

Siti A'isyah Sukaimi, Izlaily Nurul  
Ain Hussein, Mahaizura Abd Malik  
dan Nurul Amanina Suhaini  
am@hmetro.com.my

HARIAN METRO

25/06/2019

M/S10

PELAJAR SK Tanjung  
Puteri Resort yang  
mengalami sesak nafas  
diberi rawatan awal  
di Stadium Tertutup  
MPPG.

Putrajaya

**K**ejadian pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor sehingga menyebabkan penutupan sekolah disahkan berpunca daripada sisa bahan kimia yang mencemari Sungai Kim Kim, Mac lalu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin berkata, maklumat itu diperolehi beliau daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang melakikan siasatan di kawasan berkenaan.

“Saya dapat maklumat daripada pasukan bomba iaitu kes ini macam kes berulang dari Sungai Kim-Kim.

“Saya difahamkan bahan yang kita sudah dapat kenal pasti semasa kes Sungai Kim Kim diberikan kepada kontraktor untuk dibersihkan dan dihapuskan.

“Bagaimanapun bahan itu masih belum dihapuskan 100 peratus. Jadi oleh kerana bahan itu terbiar di Pasir Gudang dengan (keadaan) angin dan hujan, ia terus merebak balik,” katanya ketika ditemui pada Majlis Jalinan Mesra Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama warga JBPM, di sini, semalam.

Menurutnya, kerja pembersihan dan penghapusan bahan berkenaan seharusnya dilaksanakan secepat mungkin.

Katanya, selain bomba, Jabatan Alam Sekitar dan kerajaan negeri Johor juga maklum mengenai perkara berkenaan supaya bahan itu dilupuskan serta dihapuskan dengan baik.



“la sah bahan sisa kimia yang terdahulu dari Sungai Kim Kim,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah BPM Datuk Mohammad Hamdan Wahid berkata, kualiti udara di kawasan yang disiasat oleh pihaknya masih berada pada tahap rendah walaupun berada jauh dari Sungai Kim Kim.

# BISA SISA KIM KIM

■ **Bahan kimia tidak dihapuskan 100 peratus punca racun merebak semula**

“Pihak bomba akan bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar, pihak berkuasa tempatan serta kerajaan negeri Johor terutama sekali dengan Exco yang mengambil berat mengenai perkembangan ini.

“Kita akan beri kerjasama tetapi untuk mangsa, kita terus memberi bantuan bersama Kementerian Kesihatan dan saya percaya kebanyakan mangsa yang dihantar ke hospital sudah pun disahkan dalam keadaan stabil,” katanya.

Sejak Khamis lalu, media melaporkan berlaku kejadian sesak nafas, loya dan muntah dipercayai akibat pencemaran udara di Pasir Gudang sekali gus menyebabkan berlaku penutupan sekolah.

Kejadian itu juga berlaku selepas kira-kira tiga bulan tragedi pencemaran di Sungai Kim Kim akibat pembuangan sisa toksik yang menjejaskan hampir 6,000 penduduk.

**PELAJAR SK Tanjung Puteri Resort pulang ke rumah selepas menerima berita gejala sesak nafas dan mual-mual berlaku di sekolah mereka.**





HARIAN METRO  
25.06.2014  
MISLI



1. Sekolah Agama Taman Mawar
2. SK Pasir Gudang
3. SMK Taman Nusa Damai Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Dahlia

5. SK Taman Cahaya Masai
6. SK Felda Cahaya Baru
7. SK Kong Kong Laut
8. SK Taman Nusa Damai
9. SK Kopok

10. SK Kota Masai 3
11. SMK Pasir Putih
12. SK Pasir Putih
13. SMK Taman Megah Ria
14. SMK Tanjung Puteri Resort

15. SK Taman Cendana
16. SMK Pasir Gudang
17. SK Pasir Gudang 2
18. SMK Kota Masai
19. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Pasir Gudang

20. SK Taman Scientex
21. SMK Taman Scientex
22. SK Pasir Gudang 4
23. SMK Pasir Gudang 2
24. Politeknik Ibrahim Sultan



## 'Bukan bahan kimia yang sama'

**Pasir Gudang:** Pencemaran udara di Pasir Gudang yang berlaku sejak Khamis lalu bukan berpunca daripada pencemaran Sungai Kim Kim.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis berkata, pencemaran kali ini langsung tiada kaitan dengan insiden yang berlaku Mac lalu, malah sisa bahan kimia yang diperolehi daripada insiden Sungai Kim Kim sudah dilupuskan sepenuhnya.

"Pencemaran kali ini sangat berbeza daripada Sungai Kim Kim. Semua sisa daripada kes Sungai Kim Kim sudah diproses dan melalui tempat pelupusan yang betul.

"Pencemaran Sungai Kim Kim puncanya daripada bahan toksik yang dibuang di dalam sungai dan mengalir, tetapi kali ini, bahan cemar ini didapati tersebar melalui pengewapan akibat cuaca panas dan keadaan demografi Pasir Gudang, selain angin monsun barat daya yang bertiup dari selatan dengan sifatnya mencapai," katanya dalam sidang media di Pusat Gerakan Operasi Pemantauan di Stadium Perbandaran Pasir Gudang di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Sementara itu, Dr Sahrudin menolak mengulas mengenai kenyataan sesetengah pihak yang mengaitkan punca insiden pencemaran kali ini dengan pihak kontraktor yang dilantik bagi menguruskan sisa bahan kimia Sungai Kim Kim.

## Tahap toksik tak tinggi

**Pasir Gudang:** Sebatian kimia yang dikesan pada mangsa yang terjejas dalam insiden pencemaran udara sejak khamis lalu adalah pada tahap yang tidak bertoksik tinggi dan tidak kekal dalam tubuh.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, sebatian kimia itu hanya mampu bertahan dalam tubuh badan selama kira-kira lima jam sebelum dikumuhkan.

"Ada beberapa jenis bahan kimia yang kita syaki punca kepada masalah gangguan kesihatan ini, tetapi kita masih di saat akhir untuk kenal pasti bahan kimia yang mana puncanya.

"Yang penting dari sudut klinikal, keracunan toksik serta perubahan itu di tahap yang tidak bertoksik tinggi.

"Paras sebatian kimia yang kita temui juga hanya 134 partikel perjuta (ppm) dan bersifat separa hayat pendek dalam tubuh badan selain dikumuh dalam masa lima jam, sebab itu kita tidak temui dalam sampel darah dan air kencing pesakit.

"Kesan muntah dan sesak nafas memang ada pada sifat sebatian kimia itu, tetapi bukan pada tahap yang berlaku seperti di Sungai Kim Kim yang sehingga ada masuk Unit Rawatan Rapi (ICU) dan sebagainya," katanya pada sidang media di Pusat Gerakan Operasi Pemantauan di Stadium Perbandaran Pasir Gudang, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal dan Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam

Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis.

Sementara itu, Dr Sahrudin berkata, pihaknya akan mengumumkan sebatian kimia yang menjadi punca kepada insiden itu sebaik ia diperolehi.

"Punca insiden ini sudah pada tahap akhir untuk kita pastikan. Sebaik kita dapat tahu, kita akan umumkan. Ujian darah semua pesakit yang kita peroleh iaitu 15 ujian semuanya negatif dan tiada sianida serta dua bahan kimia iaitu acrylonitrile and acrolein yang ditemui pada insiden Sungai Kim Kim juga tidak ditemui kali ini," katanya.

### FAKTA

Bahan kimia hanya kekal dalam badan selama lima jam sahaja